

24 OCT 2001

Akashi-Malaysia

BEKAS PEGAWAI TINGGI PBB KAGUMI KEJAYAAN MALAYSIA

Oleh: Jackson Sawatan

TOKYO, 24 Okt (Bernama) -- Apabila seorang pegawai muda Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Yasushi Akashi pergi ke Sabah (Borneo Utara pada ketika itu) dan Sarawak pada 1963 sebagai sebahagian pasukan PBB untuk mengetahui sama ada rakyat bersetuju dengan cadangan pembentukan Malaysia, beliau tidak pernah terfikir bahawa negara baru itu akan menjadi seperti hari ini.

"Tidak...Saya tidak dapat bayangkan Malaysia akan menjadi negara apa. Menoleh ke belakang, saya rasa Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang ke arah kemakmuran dan perpaduan negara," kata Akashi, yang ketika itu berusia 32 tahun dan bertugas sebagai pegawai hal ehwal politik PBB.

Apa yang beliau ketahui pada masa itu ialah bahawa Malaysia yang bakal dibentuk mempunyai banyak potensi untuk pertumbuhan masa depan.

Menceritakan pengalamannya di dua negeri Borneo itu, beliau masih ingat tetapi terharunya beliau dengan keinginan rakyatnya untuk menyaksikan kelahiran negara baru itu.

"Adalah amat jelas bahawa kebanyakan rakyat di dua negeri itu mahukan Malaysia dibentuk dengan penyertaan negeri mereka," katanya dalam satu temubual di sini.

Selepas menilai pendapat orang ramai, pasukan PBB merumuskan bahawa laporannya patut mengesahkan pilihan rakyat supaya negeri mereka turut serta dalam pembentukan negara baru itu.

Akashi, yang akhirnya dilantik Ketua Setiausaha Rendah PBB selama 18 tahun, berkata beliau kini boleh "berbangga kerana terlibat dalam proses pembentukan Malaysia. Negara anda membangun dengan pesat, mencapai kemajuan di luar jangkauan semua orang.

Misi mengumpul maklumat PBB itu dibuat berikutan satu mesyuarat di Manila dalam 1963 apabila Filipina dan Indonesia mengulangi pendirian mereka bahawa mereka menyambut baik pembentukan Malaysia dengan syarat sokongan rakyat di kedua-dua negeri Borneo ditentukan oleh sebuah pihak berkuasa yang bebas dan adil -- setiausaha agung PBB atau wakilnya.

"Ia merupakan situasi yang rumit pada masa itu...terdapat pertelingkahan dengan negara-negara jiran tetapi pasukan PBB benar-benar tidak berat sebelah dalam menjalankan tugas itu. Saya menderaf satu laporan -- Laporan Michelmores -- mengandungi penemuan kami bahawa majoriti besar rakyat di kedua-dua negeri bersetuju bagi pembentukan Malaysia," katanya.

Pada waktu itu, sebuah lagi badan, Suruhanjaya Cobbold, yang ditubuhkan oleh kerajaan British, turut melaporkan bahawa "satu pertiga rakyat bersetuju untuk menyertai cadangan itu, satu pertiga mahukan hak mereka dilindungi manakala satu pertiga lagi mahukan kemerdekaan terlebih dahulu sebelum bersetuju untuk menyertai cadangan itu."

Suruhanjaya Cobbold itu juga mencadangkan deraf, menggariskan sistem pentadbiran bagi negara baru itu.

Akashi berkata beliau gembira konflik itu berakhir dan Malaysia dan negara-negara yang kurang bersetuju dengan pembentukannya itu pada awalnya kini berkerjasama demi kebaikan rantau itu di bawah Asean.

Konflik dengan kerajaan-kerajaan jiran itu bagaimanapun bukan merupakan satu-satunya masalah yang dihadapi oleh negara baru Malaysia.

Satu daripada cabaran yang para pemimpinnya perlu tangani sekiranya negara yang dicadangkan itu berjaya ialah keperluan memulihara perpaduan di kalangan pelbagai bangsa serta pelbagai kumpulan etnik di wilayah yang turut serta, katanya.

"Malaysia telah membangun dengan baik. Ia masih mempunyai masalah tetapi mana ada negara yang berjaya menyelesaikan semua masalahnya," kata Akashi, kini berusia 70 tahun tetapi masih cergas dan kelihatan seperti seorang pelari maraton veteran.

Beliau berkata antara masalah itu ialah bagaimana untuk mengekalkan dan meningkatkan keharmonian di antara kaum di negara itu kerana "ketegangan di kalangan pelbagai kumpulan etnik akan sentiasa menjadi masalah selagi manusia wujud."

Beliau bagaimanapun memuji Malaysia kerana telah sejak sekian lama berjaya menyelesaikan masalah itu.

"Setiap negara ada masalah tetapi adalah penting untuk terus memperbaiki keadaan itu dan Malaysia tidak terkecuali," katanya.

Beliau berkata Malaysia turut cemerlang di arena antarabangsa, berani menyuarakan pendiriannya dan tidak takut terluka atau malahan ada ketikanya "menjengkelkan sesetengah negara."

"Saya mengkagumi sikap terus terang dan pandangan jauh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr) Mahathir Mohamad," katanya, dan beliau seterusnya menyatakan betapa ada ketikanya beliau berpendapat bahawa ahli politik Jepun terlalu berhati-hati semasa menyuarakan pandangan mereka.

Akashi, dianggap sebagai diplomat Jepun paling berjaya, menyertai sekretariat PBB sebagai pegawai hal ehwal politik pada 1957 ketika berumur 26 tahun.

Pada 1974, beliau ditugaskan ke Misi Tetap Jepun ke PBB dan mewakili Jepun ke banyak majlis antara kerajaan dan badan pakar dan kemudian menjadi setiausaha agung rendah PBB pada 1979.

Beliau juga bertugas sebagai Wakil Khas kepada Setiausaha Agung PBB bagi Kemboja dan Bekas Yugoslavia, masing-masing pada 1992-1993 dan 1994-1995.

Dalam temubual kira-kira sejam itu, Akashi turut bercakap mengenai isu sosial, ekonomi dan politik Jepun serta peranannya selepas persaraannya sebagai pengerusi Pusat Pencegahan Diplomasi Jepun, sebuah badan yang menggalakkan penyelesaian diplomatik bagi mengelakkan konflik antara negara menjadi lebih buruk.

"Dengan kata lain, sebelum tercetusnya konflik, kita perlu mencegahnya daripada menjadi lebih serius dan mengganggu...adalah lebih mudah bagi negara-negara untuk mencapai persetujuan sebelum mereka berperang. Adalah penting negara-negara Asia terus terlibat dalam domain diplomasi pencegahan," katanya.

Selepas bersara daripada kerjaya diplomatiknya yang lama dan rumit, Akashi terus aktif menyumbangkan idea kepada pembaharuan dan usaha damai PBB manakala pada masa yang sama berkongsi ideanya yang sering dirujuk oleh pembuat dasar di Jepun.

"Saya sentiasa menggesa Jepun supaya lebih melibatkan diri dalam arena antarabangsa dan tidak takut dengan persaingan, menggesa bagi komunikasi lebih baik antara kumpulan umur dan menggalakkan belia Jepun pergi ke Asia dan Afrika bagi memperluaskan pengetahuan mereka," katanya.

Ditanya sama ada beliau lebih suka menjalani kehidupan tenang semasa bersara, Akashi berkata beliau mendapati perkara itu agak sukar dilakukan malahan untuk bersara sekalipun kerana terdapat banyak perkara yang beliau masih boleh lakukan dalam hidupnya.

"Semasa saya dengan PBB, saya tidak begitu popular di kalangan kakitangan kerana apabila mereka mahu mengambil cuti panjang, saya tanya mereka kenapa mereka perlukan cuti panjang. Saya katakan kepada mereka bahawa cuti panjang tidak perlu...apabila kita mati kita boleh bercuti selama yang kita mahu," katanya secara berseloroh.

-- BERNAMA

JS KHY RHM

